

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 3/2004

KADAR PREMIUM (DEVELOPMENT PREMIUM) BAGI TANAH YANG DISERAHBALIK DAN DIBERIMILIK SEMULA UNTUK MAKSUD PINDAHMILIK

Pekeliling ini dikeluarkan ialah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berhubung dengan kadar premium (Development Premium) bagi tanah yang diserahkan dan diberimilik semula untuk maksud pindahmilik.

2. Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 15/2004 yang bersidang pada 11hb. Ogos 2004 semasa menimbang Kertas MMK Bil.12/873/2004 (4) berhubung dengan “Cadangan Pindaan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil.4/1976 Berhubung Dengan Harga Tanah Yang Telah DiMajukan (Development Premium)” telah membuat keputusan seperti berikut :-

2.1 Kadar premium (Development Premium) yang dikenakan bagi tanah-tanah yang telah diserahkan dan diberimilik semula untuk maksud pindahmilik ialah satu (1%) peratus daripada nilai tanah semasa.

2.2 Kadar premium yang digunapakai sebagaimana Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil. 4/1976 dengan ini dibatalkan.

3. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh ia dikeluarkan.

t.t

.....
(Hj. Che Kamarulzaman bin Hj. Mohamed)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Bahagia/Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBr. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
8. YBr. Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

FAIL : PTG.KN.11/5/5 (6)

BERTARIKH :